

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 6 JANUARI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 2

### Malaysia perlu berdepan tiga cabaran utama makroekonomi

# Malaysia perlu berdepan tiga cabaran utama makroekonomi

**Persekutuan global tidak menentu, inflasi antara punca kos sara hidup naik**

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia berdepan tiga cabaran utama makroekonomi ketika ini yang terkesan daripada persekitaran ekonomi global yang tidak menentu serta isu inflasi yang berterusan sehingga menekan kos sara hidup rakyat.

Menyatakan hal ini, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata cabaran pertama adalah untuk mengukuhkan keupayaan fiskal negara.

"Bagaimana kita ingin memastikan dengan tuntutan semasa pendapatan yang kita dapat, boleh dimanfaatkan sebaik-

nya bukan saja untuk menyediakan perkhidmatan harian kepada rakyat, tapi cukup untuk kita melabur dalam bentuk perbelanjaan pembangunan jangka masa panjang.

"Ini termasuk dalam sektor, projek serta pembinaan keupayaan sebagai sebuah ekonomi yang akan ada kesan besar akhirnya kepada rakyat," kata dia ketika menyampaikan Amalan Menteri Ekonomi yang diisarkan menerusi Facebook Live, semalam.

#### Tingkat hasil negara

Cabar kedua menurut Rafizi, adalah bagaimana untuk menambah hasil kerajaan bagi memampu perbelanjaan negara yang terus meningkat.

"Kita (kementerian) ada pengaruh besar kepada pendapatan negara kerana kita juga mengendalikan perbelanjaan pembangunan.

"Kita merancang, mengawal selia dan mempunyai pengaruh untuk memastikan sumber kewangan negara dilaburkan da-

lam sektor yang berpotensi tinggi, untuk ada kesan berganda pada masa akan datang.

"Namun, berapa banyak boleh dibelanjakan setiap tahun bergantung kepada pendapatan kerajaan. Kita ada ekonomi yang secara asasnya berkembang pada tahap dirancang.

"Empat, lima peratus, tapi ekonomi saji berkembang, namun tidak menjana pendapatan selari dengan perkembangan ekonomi, ia akan ada masalah kepada kerajaan.

"Ekonomi nampak berkembang, tetapi macam mana kita membantu kerajaan melalui pembinaan ekosistem ekonomi dasar supaya kerajaan dapat menambah hasil sepadan dengan perkembangan ekonomi yang kita lalui sekarang," katanya.

#### Lonjak semula ekonomi

Seterusnya, beliau berkata, menjadi cabaran untuk menstruktur dan melonjakkan kembali ekonomi dalam sektor bernilai tinggi.

"Ini penting supaya impaknya bukan saja kepada perkembangan ekonomi tapi rakyat dapat rasai.

"Sedang kita di pihak kementerian dan pembuat dasar merancang perkembangan ekonomi secara makro, kesihatian ekonomi di peringkat rakyat hanya dua saja, iaitu gaji naik atau tak serta kedua soal inflasi harga barang sebab ia saling berkait.

"Kalau gaji itu berpatutan dengan inflasi dan pada tahap tertentu tak timbul risiko inflasi yang ada kesan besar kepada kesejahteraan isi rumah.

"Tetapi kalau inflasi naik dan gaji tak naik selari dengan inflasi, sebab itu ekonomi kita 10 dan 15 tahun lalu terpaksa berdepan dengan cabaran itu (tekanan inflasi yang berterusan dirasai rakyat)," katanya.

Rafizi turut menekankan pentingnya peranan swasta dalam menggerakkan ekonomi negara yang mestinya dilipatgandakan, sementara fokus kerajaan hanya membuat dasar dan membina ekosistem.

**Kita merancang, mengawal selia dan mempunyai pengaruh untuk memastikan sumber kewangan negara dilaburkan dalam sektor yang berpotensi tinggi, untuk ada kesan berganda pada masa akan datang**



Rafizi Ramli,  
Menteri Ekonomi